

Mahathir— ke AS ketuai misi dagang

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis.— Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berlepas ke Amerika Syarikat hari ini mengetuai satu rombongan pelabur memperkenalkan Malaysia kepada para pelabur dan usahawan di sana.

Belliau dan rombongannya akan berada di beberapa kota besar Amerika selama 20 hari.

Seramai 23 orang pengusaha dan pedagang tempatan serta pengusaha dan pedagang asing yang menubuhkan syarikat di Malaysia menyertai rombongan tersebut buat pertama kalinya.

Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan menemui para pelabur dan pengusaha Amerika di samping menyakinkan mereka tentang kestabilan politik dan peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

Belliau akan menyampaikan beberapa ucapan penting mengenai pelaburan di Malaysia di seminar-seminar yang akan diadakan di Los Angeles, Houston, Seattle, Chicago dan New York.

Kepada 23 orang pelabur dan pedagang swasta yang menyertai rombongan tersebut, seminar-seminar itu akan membolehkan mereka membuat hubungan terus dengan rakan sejawat mereka di Amerika.

Rombongan dagang Malaysia itu akan mengadakan beberapa pertemuan dengan pengusaha-pengusaha bank dan institusi kewangan serta wakil-wakil syarikat minyak Amerika.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, ramai lagi pengusaha dan pedagang tempatan akan dipelawa menyertai rombongan dagang Malaysia di masa depan.

Baru-baru ini belliau memberitahu satu sidang akhbar, bahwa belliau akan juga membuat beberapa penerangan mengenai pelaburan di Malaysia kerana beberapa akhbar luar negeri telah menyelewengkan hal tersebut dalam laporan mereka.

Butir-butir lanjut mengenai penubuhan unit pusat pelaburan di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), akan juga disampaikan kepada para pedagang Amerika.